

Habitat kelip-kelip **dipelihara**

Kerajaan negeri arah pengambilalihan tanah di sepanjang sungai di Kampung Kuantan dibuat serta-merta

KUALA SELANGOR – Pengambilalihan tanah di seluruh kawasan kelip-kelip di sepanjang sungai di Kampung Kuantan, di sini mampu memelihara habitat itu untuk tempoh jangka masa panjang.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Azahari Sairin menjelaskan, arahan kerajaan negeri untuk pengambilalihan tanah bagi tujuan pemeliharaan habitat kelip-kelip dibuat serta-merta.

Menurutnya, tindakan itu diambil selepas berlakunya penerokaan hutan berhampiran sungai sehingga didakwa penduduk setempat menjejaskan habitat kelip-kelip.

“Tindakan tegas perlu diambil memandangkan MDKS bertanggungjawab menyelenggarakan kebersihan dan kemudahan di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip



AZAHARI

Kampung Kuantan.

“Sebarang permohonan pembangunan di kawasan zon penanaman adalah tertakluk kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan koridor sungai adalah di kawasan luar rizab sungai dalam lingkungan 50 meter.

“Ini berdasarkan garis panduan pembangunan berhadapan sungai,” katanya se-



Penduduk setempat meninjau kawasan tebing sungai yang diterokai yang dikhuatiri menjejaskan habitat kelip-kelip.

lepas mengulas lanjut mengenai isu ‘pembersihan’ hutan berhampiran kawasan habitat kelip-kelip di kampung itu.

Azahari berkata, MKDS adalah agensi berperanan menyelenggarakan Pusat

Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Pusat pelancongan itu

diwartakan dalam cadangan Zon Santuari Kelip-Kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015 dengan Zon Pembangunan Terhad selebar 400 meter dari kedua tebing sungai iaitu seluas lima kilometer radius.

“Bahkan, MDKS masih mengekalkan penggunaan sampan tradisional sebagai kemudahan pengunjung melihat kelip-kelip seperti dititahkan baginda tuanku Sultan Selangor.

“MDKS juga berperanan mengawal pembangunan di sepanjang Sungai Selangor supaya tidak mengganggu ekosistem kelip-kelip dan pokok berembang terutamanya di kawasan ini.

“Kawasan santuari kelip-kelip ini amat dijaga kerana Kampung Kuantan memegang rekod sebagai tempat

yang mempunyai koloni kelip-kelip jenis *Pteroptyx Tener* terbesar di dunia.

“MDKS turut dibantu melalui Tenaga Nasional Berhad Research (TNBR) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk proses penanaman semula pokok berembang di sekitar tebing Sungai Kampung Kuantan.

“Penanaman dan penjagaan pokok berembang dijalankan secara berjadual untuk memastikan sumber makanan kelip-kelip tidak terjejas selain mendapatkan bantuan kepakaran FRIM,” katanya.

Statistik bilangan pengunjung menunjukkan peningkatan iaitu seramai 77,212 pada 2013 dan 79,800 pada 2014 lalu walaupun terpaksa bersaing dengan pengusaha swasta yang menawarkan pelbagai pakej menarik.